

## BAB IV

### Analisis Tentang Peranan Masjid Arau

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan hasil-hasil keputusan yang telah diperolehi dari soalan-soalan soal selidik yang dijawab oleh responden. Keputusan perolehan itu akan dibentangkan berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah dibuat dengan menggunakan kaedah matematik, statistik dan formula peratus.

Kesemua analisis dibuat secara manual dan secara kasarnya dapat dibahagikan kepada enam bahagian untuk ;

1. Mengetahui sejarah Masjid Arau dan pentadbirannya.
2. Mendapatkan bilangan (peratus) biodata responden dari segi jantina, usia, pencapaian akademik dan pekerjaan.
3. Mengetahui sambutan masyarakat tempatan terhadap program-program yang dilaksanakan oleh masjid.
4. Meninjau program-program yang dilaksanakan di masjid itu bersesuaian dengan masyarakat setempat.
5. Menghubungkait peranan masjid Arau dengan perubahan sikap, budaya dan pemikiran masyarakat setempat.

**4.2 Mendapatkan bilangan (peratus) biodata responden dari segi jantina, usia, pencapaian akademik dan pekerjaan.** Mendapat maklumat dalam perkara yang disebut di atas amat penting untuk melihat taburan responden itu mewakili semua golongan masyarakat yang berada disekitar Masjid Arau. Pengkaji telah mengagihkan perbincangan ini kepada Jadual 1, 2 dan Rajah 1 dan 2.

Jadual 1 : Jantina Responden

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	155 orang	74
Wanita	55 orang	26

Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Responden-responden adalah terdiri daripada penduduk yang tinggal dalam parameter lingkungan 1 km dari Masjid Arau. Daripada sejumlah 210 responden 74 % darinya adalah lelaki dan selebihnya (26 %) adalah wanita. Jantina responden dibuat dengan nisbah lelaki kepada wanita adalah 3 : 1 dan ia dibuat secara rawak.

Berdasarkan kenyataan di atas, penulis dapat bahawa pada kebiasaannya kaum lelaki yang mendominasikan bilangan jamaah di Masjid Arau. Tambahan pula kaum lelaki adalah digalakkan bersembahyang berjamaah sama ada di rumah, lebih-lebih lagi jika ia berjiran dengan masjid, mesti berjamaah di masjid dan tidak sempurna sembahyangnya jika lakukan di rumah, manakala kaum ibu pula digalakkan bersembahyang di rumah [lihat Jadual 1]. Menurut Islam, orang-orang yang selalu memakmurkan masjid-masjid merupakan orang-orang yang benar-benar beriman kepada Allah dan mereka juga merupakan tetamu Allah

Usia responden yang terlibat ditunjukkan dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2 : Usia Responden


Usia (tahun)	Bilangan (orang)	Peratus
30 - 40	43	20
41 - 50	71	34
51 ke atas	96	46

Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Daripada jadual di atas, di dapati responden yang berusia 51 tahun ke atas merupakan bilangan yang teramai (46 %) yang selalu berulang-alik ke masjid diikuti dengan responden yang berusia 41-50 tahun sebanyak 34 % dan seterusnya yang berusia 30-40 tahun sebanyak 20 %.

Penulis merasakan bahawa pada usia melebihi 51 tahun ke atas, kebanyakan daripada mereka kurang aktif dalam bidang pekerjaan, mempunyai banyak masa terluang dan kemungkinan mempunyai lebih kesedaran untuk menuntut ilmu agama serta menambah amal kebajikan sebagai persediaan hari akhirat. Usia 30 hingga 50 tahun adalah satu fasa ‘sibuk’ dengan dunia pekerjaan dan urusan rumah tangga masing-masing. Walau bagaimana pun Islam tidak menggalakan adanya pemisahan masa dalam melakukan amal ibadah kepada Allāh. Menurut Dr. Yusof al-Qarađawī, pemikiran Islam terhadap konsep kehidupan dunia adalah pemikiran yang seimbang dan adil antara tuntutan dunia dan akhirat. Melakukan kerja-kerja yang diamanahkan oleh pihak majikan dengan jujur dan ikhlas juga menjadi ibadah jika sesuai dengan tuntutan syara’.

Rajah 1 : Taburan Responden Dari Segi Pencapaian Akademik



Sumber : (Borang Soal-Selidik)


Pencapaian akademik responden dapat dibahagikan kepada enam bahagian [lihat Rajah 1] iaitu tidak bersekolah sebanyak 9 %, sekolah rendah 40 %, sekolah pondok 6 %, lulusan SPM 31 %, lulusan STPM 7 % dan lepasan institut pengajian tinggi 8 %.

Penulis dapati data ini menggambarkan bahawa pencapaian akademik diperingkat rendah adalah merupakan peratusan terbanyak iaitu 46 % berbanding

diperingkat sederhana (SPM dan STPM) 38 %. Manakala diperingkat tinggi terlalu kurang. Penulis berpendapat pencapaian akademik amat penting dalam sesebuah masyarakat kerana bidang pendidikan mampu membawa anjakan paradigma dan perubahan pemikiran, sikap dan budaya sesuatu masyarakat. Menurut pandangan Victor Serebriakoff dan Jensen, bahawa semakin tinggi tahap pendidikan seseorang, semakin berpotensi seseorang itu untuk melakukan perubahan terhadap dirinya.

Menurut Ibn Khaldūn, apabila seseorang itu mula berfikir merupakan akhir perbuatan dan apabila seseorang itu mula melakukan perbuatan, ia diakhir aktiviti berfikir. Jadi manusia yang lebih cerdik berkemungkinan besar lebih banyak melakukan pelbagai proses berfikir dalam dirinya jika hendak dibandingkan orang yang kurang berpendidikan tinggi. Orang yang cerdik lebih banyak menggunakan akal dan orang yang kurang cerdik lebih banyak menggunakan fizikal dalam aktiviti harian mereka. Tahap pendidikan tinggi masyarakat Arau dalam rajah satu (kajian rawak) yang akan mencorakkan pemikiran, sikap dan budaya masyarakat sekitarnya.

Rajah 2 : Taburan Pekerjaan Responden



Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Dalam Rajah 2 di atas menunjukkan carta pekerjaan responden, penulis membahagikan kepada empat kelompok yang besar iaitu pesara dan kakitangan kerajaan mewakili 45 % atau 96 responden, kerja sendiri ( petani, peniaga dan kerja sendiri ) 34 % atau 60 responden, lain-lain (kebanyakannya suri rumah) 15 % dan kerja swasta 6 % atau 13 responden.


Penulis dapati data ini menggambarkan hampir separuh bilangan responden adalah kakitangan dan bekas kakitangan kerajaan yang ada hubungkait dengan tahap pencapaian akademik. Pada kebiasaannya pemikiran dan sikap kakitangan kerajaan berfikiran secara sederhana dan ada yang berfikiran terbuka terhadap sesuatu idea atau isu yang berlaku dan akan berlaku. Manakala yang

bekerja sendiri, lagi bebas untuk memberi pandangan atau pendapat dan bebas membuat pilihan kerana tidak terikat dengan mana-mana majikan.

Orang yang berfikiran terbuka mempunyai banyak pilihan jawaban atau kaedah untuk menyelesaikan sesuatu isu atau masalah yang dihadapinya dan mereka juga mempunyai pemikiran yang lebih kreatif. Islam datang untuk membawa manusia dari kesempitan dunia kepada keluasan dan kebebasan dunia sampai akhirat. Islam adalah agama yang sangat menggalakkan manusia menggunakan akal fikiran. Dengan akal fikiran itu juga dapat membezakan antara manusia dengan manusia dan manusia dengan haiwan.

**4.3 Sambutan masyarakat tempatan terhadap program-program yang dilaksanakan oleh Masjid Arau.** Penulis membahagikan kepada tujuh perbincangan bermula dari Rajah 3 hingga 7 dan Jadual 3.

Rajah 3 : Kekerapan responden ke masjid




Sumber : ( Borang Soal-Selidik)

Rajah 3 diatas mengupas persoalan kekerapan responden pergi ke masjid; jawaban kerap, sebanyak 48 %, manakala yang menjawab kadang-kadang 52 %. Dari data ini menggambarkan bahawa perbezaan kekerapan ke masjid hanya 4% sahaja.

Penulis merasakan bahawa masyarakat Arau telah membiasakan dirinya dengan masjid dan telah menunaikan tanggungjawab mereka untuk memakmurkan Masjid Arau terutamanya warga tua atau usia emas. Walaupun jawaban kadang-kadang itu 52 %, mereka masih pergi ke masjid juga, cuma tidak kerap. Gambaran ini menepati ciri-ciri Islam yang tidak menafikan kehidupan dunia dan kebahagiaan abadi akhirat. Islam memandang dunia dengan segala rahmat dan merupakan ladang untuk akhirat. Memandangkan sebahagian besar masa manusia dihabiskan untuk mencari rezeki atau keperluan hidup di dunia, ada baiknya jika keperluan hidup itu dilakukan mengikut panduan syariat yang mana segala gerak kerja yang dilakukan oleh manusia itu menjadi ibadah kepada Allah swt walau pun pada zahirnya nampak kerja dunia tetapi ia sebenarnya adalah merupakan kerja ibadah menurut Islam.

Rajah 4 : Kebiasaan responden pergi ke masjid



Sumber : ( Borang Soal-Selidik)

Dalam Rajah 4 di atas, “responden yang telah membiasakan diri dengan masjid”, yang melebihi sepuluh tahun sebanyak 47 %, lima hingga sepuluh tahun, 30 % dan kurang dari lima tahun sebanyak 23 %.

Penulis berpendapat bahawa yang kurang dari lima tahun, merupakan responden yang baru mula berjinak-jinak dengan masjid yang merupakan suatu perkembangan positif yang mana mereka sebelum ini kurang berminat dengan masjid, manakala yang lima hingga sepuluh tahun dan sepuluh tahun ke atas adalah mereka yang telah lama menetap di kawasan itu yang telah lama bergaul dengan masyarakat dan membiasakan diri mereka dengan masjid itu. Mereka telah lama bermesra dengan masyarakat Arau dan telah lama menjalin hubungan sosial dan persaudaraan sesama mereka terutamanya dengan para jamaah masjid.

Orang-orang yang selalu memakmurkan masjid, mereka merasakan jiwa mereka lebih tenang, seronok dan gembira apabila berada di masjid.


Dalam pemikiran Islam, hubungan sosial dan persaudaraan yang erat dan mesra amat dituntut serta menjadi perkara asas kepada perpaduan dan kekuatan Islam. Islam menggalakkan umatnya bersatu padu dan tolong-menolong dalam perkara kebaikan dan menghalang kerja-kerja mungkar daripada berlaku.

Rajah 5 di bawah menjelaskan kesesuaian aktiviti-aktiviti yang dinyatakan dalam soal-selidik, responden boleh memilih pelbagai aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan mereka. Responden memberi keutamaan kepada kuliah Maghrib, 39 %, kuliah Subuh 24 %, kursus haji 23 %, kuliah fardhu ‘ain 20 %, forum perdana 19 %, ceramah khas hari kebesaran Islam 13 % seterusnya *qiamullail* dan sambutan hari kebesaran Islam masing-masing 10 % dan kesemua aktiviti-aktiviti yang dicadangkan oleh pihak masjid 44 %. Dapatan data ini, menjelaskan bahawa 97 % aktiviti yang paling diminati oleh responden kawasan itu ialah bidang ilmu atau aktiviti yang ada kaitan dengan ilmu.

Penulis merasakan ini suatu perkembangan yang baik yang mana masyarakat Arau boleh menambahkan ilmu, membina saksiah diri dan mendidik rohani mereka menjadi manusia yang baik, dan berakhhlak mulia dengan program-program ilmu yang dijalankan itu. Program-program kuliah ilmu memang mampu membina saksiah diri, mendidik akhlak dan keperibadian muslim, ia seharusnya diberi keutamaan dan bertepatan dengan bidang pendidikan yang membolehkan manusia mengenal dirinya sendiri. Menurut pandangan al-Ghazālī,

teras berfikir adalah ilmu pengetahuan, untuk mencari makrifah mesti berfikir dan berfikir menjadi kunci keseluruhan kebajikan kerana seseorang itu mampu merubah diri dari yang dibenci kepada yang disukai oleh syara' berdasarkan ilmu yang diperolehi oleh manusia.

Rajah 5 : Kesesuaian aktiviti-aktiviti masjid dengan masyarakat Arau




Sumber : ( Borang Soal-Selidik)

Rajah 5 di atas juga membincangkan program-program ilmu yang dilaksanakan di Masjid Arau ( kuliah Subuh, Maghrib, fardu 'Ain dan kursus Haji ) adalah 97% menjadi pilihan utama responden. Program ilmu yang dianjurkan oleh Masjid Arau ada hubungkait dengan personaliti penceramahnya, isi kandungan yang dibicara serta masa yang sesuai dengan

responden. Responden yang perihatin dengan program dan perkembangan ilmu akan berusaha mencari masa supaya segala program ilmu yang dianjurkan oleh Masjid Arau dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Penulis mendapati bahawa program-program kuliah ilmu ada kaitan dengan cara ilmu yang hendak disampaikan. Program ilmu harus disampaikan dengan cara yang menarik dan sistematik supaya medium yang ada tidak merasa jemu (50%), masa kuliah ilmu yang sesuai dengan kelapangan masyarakat Arau supaya program itu dapat dimanfaatkan (38%) dan personaliti penceramah itu harus mengikut kesesuaian masa, medium dan tempat (22%). Mencari ilmu menjadi fardu ‘Ain pada pandangan Islam, kerana Islam tidak mahu umatnya tinggal dalam kejahilan dan kemiskinan. Ibn Khaldūn berpendapat dengan ilmu manusia boleh mencari kepakaran dan dari kepakaran itulah manusia boleh mencari kekayaan. Pendapat Ibn Khaldūn disokong oleh pandangan Dr. Yusof al-Qarađawī yang mengatakan Islam tidak mahu umatnya hidup dalam kejahilan dan kemiskinan kerana kejahilan dan kemiskinan akan menyebabkan mereka terjajah pemikiran dan jiwa tidak merdeka.

Rajah 6: Pilihan aktiviti jika diwajibkan oleh Majlis Agama




Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Jika pihak majlis Agama Islam Perlis mewajibkan aktiviti tetap masjid, responden telah membuat pilihan kepada aktiviti-aktiviti yang banyak memberi manfaat kepada mereka seperti program yang berbentuk ilmu, 62 %, forum perdana 15 %, *qiamullail* 9 %, sambutan hari kebesaran Islam 7 %, ceramah hari kebesaran Islam 12 % dan yang menyetujui kesemua aktiviti di atas 59 %. Dari keputusan yang diperolehi, didapati masyarakat Arau amat dahagakan pelbagai program yang seharusnya diambil kira dan dilaksanakan oleh pihak masjid sepanjang tahun untuk kebaikan bersama [lihat Rajah 6].

Penulis merasakan bahawa masyarakat Arau telah memilih pelbagai program masjid untuk mendapat pelbagai sumber ilmu dari pelbagai cara, bukan satu atau dua program yang sama dan selalu diadakan sahaja. Masyarakat Arau memerlukan kelainan dan kepelbagaian program. Ini membuktikan pemikiran dan minda masyarakat Arau mula berubah dan semakin mantap. Ianya disokong oleh YAB Menteri Besar Perlis Dato' Sri Shahidan bin Kassim pada dalam wawancara 8hb. Okt. 2002 dan juga Mufti Negeri Perlis pada 5hb. Sept. 2002 dan ia bersesuaian dengan teori adab-adab berfikir yang menganjurkan manusia supaya sentiasa bersikap atau berfikiran membina dan sentiasa mencari pilihan atau tanggapan lain yang perlu diterokai oleh manusia dalam pelbagai demensi dan cara untuk mendapat maklumat dari pelbagai sumber.

Rajah 7 : Aktiviti-aktiviti masjid tahun ini



Sumber: (Borang Soal-Selidik)

Rajah 7 menghuraikan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh pihak masjid pada tahun ini ( 2001-2002). Aktiviti-aktiviti yang diminati oleh responden ialah kuliah Maghrib 23 %, kursus haji 22 %, kuliah Subuh 21 % manakala kelas Fardu ‘Ain 13 %. Aktiviti-aktiviti lain selain yang tersenarai di atas masih belum dilaksanakan.

Penulis mendapat maklumat ini daripada Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) dan pihak pengurusan Masjid Arau.<sup>253</sup> Pihak responden telah memberi maklumat yang kurang tepat dengan mereka telah “menandakan” program-

<sup>253</sup> Dari JAIPs dan pihak pengurusan Masjid Arau pada 17 November, 2001.

program yang tidak dilaksanakan oleh pihak pengurusan Masjid Arau seperti forum perdana, hari kebesaran Islam, *Qiamullail* dan ceramah hari kebesaran Islam. Program-program yang dilaksanakan oleh Masjid Arau pada tahun (2000-2002) hanya enam program sahaja [sila rujuk bahagian 2.7.3]. Islam tidak suka umatnya berbohong dan membuat kerja-kerja yang sia-sia terhadap Islam. Al-Ghazālī menyatakan perkara yang perlu dijaga oleh manusia ialah anggota badanya terutama lidah dari berbohong, mengumpat, telinga dari mendengar kata-kata keji dan maksiat kepada Allah swt.

Jadual 3 : Aktiviti masjid dan masyarakat setempat

PERKARA	PERATUS		
	TIDAK SETUJU	TIDAK PASTI	SETUJU
a) Aktiviti-aktiviti masjid Arau sangat berfaedah kepada masyarakat setempat.	2	6	92
b) Masjid Arau dapat membantu menyelesaikan banyak masalah masyarakat setempat.	8	37	55
c) Kerjasama pegawai masjid dengan masya-rakat tempatan dapat memajukan masyarakat.	6	16	78
d) Masjid telah melaksanakan perannya dengan baik.	21	21	58
e) Masyarakat lebih suka sembahyang di masjid daripada di rumah.	33	21	46
f) Masyarakat setempat banyak mendapat faedah daripada program masjid.	13	19	68

Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Jadual 3 membincangkan enam persoalan yang melibatkan aktiviti-aktiviti Masjid Arau. Persoalan pertama "Masjid Arau sangat berfaedah kepada masyarakat tempatan", setuju 92 %, tidak pasti 6 % dan tidak setuju 2 %.

Dapatkan data ini menggambarkan bahawa semua program-program yang dianjurkan oleh masjid itu memberi impak yang baik kepada masyarakat di situ [lihat Jadual: 3].

Penulis berpendapat ianya bersesuaian dengan pandangan Yusof al-Qarađawī mengatakan Islam menggalakan umatnya beramal dengan yang makruf dan mencegah perkara mungkar, yang makruf mesti lebih kuat dan lantang dari yang mungkar untuk membolehkan yang makruf menguasai etika dan nilai-nilai budaya masyarakat.

Persoalan kedua “Masjid Arau dapat membantu menyelesaikan masalah masyarakat tempatan”, 55 % responden bersetuju dan tidak setuju 8 %. Berdasarkan data di atas, penulis merasakan semakin jelas bahawa masjid Arau telah memberi peranannya kepada masyarakat di situ terutamanya dalam bidang ilmu dan merapatkan lagi semangat persaudaraan umat Islam kawasan Arau [lihat Jadual: 3]. Pada zaman awal Islam, masjid merupakan madrasah dan pusat pendidikan bagi ilmu yang utama seperti al-Qur’ān, tafsir, hadis dan juga ilmu-ilmu lain. Masjid juga mengambil berat tentang kebajikan dan keadilan sosial seperti sifat persaudaraan, bantu-membantu, bertanya khabar dan sebagainya.

Persoalan ketiga “Kerjasama pegawai dan kakitangan masjid Arau dengan masyarakat tempatan dapat memajukan masyarakat di situ”, 78 % bersetuju dan tidak setuju 6 %. Ini menggambarkan hasrat dan cita-cita anak kariah itu untuk melihat kemakmuran masjid dilakukan dengan baik dan programnya dapat dimanfaat oleh mayarakat Arau [lihat Jadual:3]. Islam menggalakkan umatnya

bekerja sama dan tolong-menolong dalam kerja-kerja kebajikan dan kebaikan, bukan dalam perkara mungkar dan Ibn Khaldūn menyatakan bahawa manusia adalah makhluk yang hidup bermasyarakat dan bersosial. Antara perkara utama hidup bermasyarakat ialah berjiran, bantu-membantu dalam perkara kebaikan.

Persoalan keempat “Masjid Arau telah melaksanakan peranannya dengan baik”, 58 % setuju, tidak pasti 21 % dan tidak setuju 16 %. Dari dapatan data di atas, Masjid Arau telah melaksanakan perananya dengan memuaskan. Antara peranannya ialah melaksanakan ibadah sembahyang lima waktu, menyampaikan dan menyebar luaskan ilmu melalui kuliah-kuliah agama, mengiratkan tali persaudaraan sesama Islam, menyeru anak kariah kepada makruf dan mencegah yang mungkar dan menyeru anak kariah datang beramai-ramai ke masjid untuk memakmurkan masjid. Penulis merasakan masyarakat tempatan bertuah kerana pihak masjid begitu perihatin terhadap keperluan masyarakat sekitarnya. Ia dapat dilihat melalui program-program yang telah dilaksanakan.

Persoalan kelima “Kebanyakan masyarakat Arau bersembahyang di masjid daripada di rumah”, 46 % responden setuju, 21 % tidak pasti dan 33 % tidak setuju. Penulis dapati data ini ada hubungkait dengan rajah 3 yang menyatakan responden pergi ke masjid, kadang-kadang 52 % dan kerap 48 %. Apabila dapatan data ini digabungkan, menggambarkan masih ada lagi sebahagian anggota masyarakat Arau bersembahyang di rumah dalam waktu-waktu tertentu, seperti waktu Subuh, Zohor dan Asar. Ini merupakan cabaran kepada ahli jawatan kuasa masjid itu dan anak kariah untuk berusaha dengan gigih menyeru mereka datang memakmurkan masjid Arau. Pada pandangan

Islam, masjid merupakan rumah Allah di atas muka bumi. Sesiapa yang menjadi tetamu Allah, ia akan dimuliakan dan diberikan pertunjuk serta diantara hambaNya yang mendapat naungan di padang Mahsyar ialah orang yang hatinya terikat dengan masjid.

Persoalan keenam “Masyarakat Arau paling banyak mendapat faedah daripada pelbagai program masjid”, 68 % setuju, tidak setuju 13 %. Ini menjelaskan lagi bahawa fungsi masjid Arau kepada masyarakat di situ dalam bidang ibadah, pendidikan, perhubungan sosial dan kemasyarakatan serta persaudaraan Islam di manfaatkan dengan sebaik-baiknya. Pada pandangan Islam, pemikiran Islam adalah pemikiran yang dapat dijelmakan dalam amal perbuatan yang mencakupi hubungan manusia dengan Allah swt sebagai pencipta, hubungan manusia sesama manusia (hubungan sosial) kerana manusia makhluk bersosial, hubungan manusia dengan *jamadāt* alam sekitar dan sebagainya. Dr. Yusof al-Qaraḍawī menjelaskan bahawa pemikiran Islam tentang kehidupan dunia ialah pemikiran yang seimbang dan adil, Islam menjadikan dunia sebagai ladang untuk akhirat dan sebagai jalan menuju negeri abadi.

#### **4.4 Meninjau program-program yang dilaksanakan di masjid bersesuaian dengan masyarakat setempat atau sebaliknya.**

Dalam bahagian ini penulis menyatakan lapan bukti bahawa program-program yang dianjurkan oleh pihak Masjid Arau dan Majlis Agama Islam Negeri Perlis sesuai mengikut pendapat atau pandangan responden;

1. Secara keseluruhan (97 %) responden bersetuju menjadikan masjid sebagai tempat untuk mengatur pelbagai kegiatan kemasyarakatan untuk kepentingan

dan kemajuan masa depan masyarakat Arau [Lihat Rajah 5].

2. Untuk pilihan aktiviti yang diwajibkan oleh Majlis Agama Islam Perlis kepada responden yang datang ke masjid, pada keseluruhannya masyarakat tempatan bersedia dan menerima dengan baik segala program yang diaturkan itu kerana ia dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan mendidik rohani mereka supaya menjadi manusia yang baik sama ada untuk diri sendiri atau masyarakat di tempat itu [Lihat Rajah 6].
3. Responden telah memberi sokongan yang baik terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada tahun ini yang mana mereka telah memanfaatkan segala program ilmu seperti kuliah Maghrib 23 %, kursus haji 22 %, kuliah Subuh 21 % dan kelas Fardu ‘Ain 13 %[ lihat Rajah 7].
4. Masjid telah melaksanakan peranannya dengan baik, data menunjukkan bahawa secara keseluruhan bersetuju 58 % berbanding tidak bersetuju 21 % [ Lihat Jadual 3 (d) ].
5. Pada keseluruhannya responden hadir ke kuliah Maghrib 91 % dan ia mendapat sambutan yang menggalakkan dikalangan ahli kariah itu [Lihat Rajah 10].
6. Kehadiran ke kuliah Subuh dalam masa seminggu 67 % berbanding tidak hadir 33 % [Lihat Rajah 11].

7. Untuk kekerapan mengikuti program-program ilmu di masjid itu, responden menyatakan kerap 41 %, sederhana 35 % dan jarang-jarang 24 %. Kekerapan hadir ke masjid ada hubungkait dengan program-program yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan masjid. Ahli jamaah hadir ke masjid bukan setakat untuk sembahyang berjamaah lima waktu sahaja, bahkan mereka juga mahu menambahkan maklumat atau ilmu yang disampaikan oleh penceramah disamping mereka dapat merapatkan hubungan persaudaraan sesama Islam [Lihat Jadual 4 dan Rajah 13].

8. Majlis ilmu di Masjid Arau dapat mengubah pemikiran masyarakat secara berkesan. Responden menjawab bersetuju bahawa majlis ilmu telah memberi kesan kepada minda mereka dan peningkatan pemikiran mereka dapat dilihat dari tahun ke tahun berikutnya antara 11-12 %. Jawaban responden menggambarkan bahawa program-program yang dianjurkan oleh masjid Arau dan Majlis Agama Islam Perlis sesuai dengan kemahuan masyarakat tempatan [ Lihat Jadual 5(1) ].

Dari kenyataan di atas dan fakta-fakta yang diperolehi melalui dapatan yang dikemukakan oleh responden, menggambarkan bahawa program-program yang dilaksanakan di Masjid Arau telah dijalankan dengan baik dan sesuai untuk masyarakat setempat. Bahkan responden telah meminta pihak pengurusan dan pentadbiran masjid menambahkan lagi program-program pendidikan akidah dan kerohanian sejajar dengan perkembangan semasa [Sila rujuk Rajah 7 hingga 13 dan Jadual 3(d), 4 serta 5(1)] . Umat Islam berbeza dari umat lain kerana mereka lebih prihatin dan mengambil berat tentang urusan menuntut ilmu. Pada zaman


awal Islam, masjid bukan sahaja menjadi tempat khusus untuk ibadah, bahkan dalam masa yang sama ia juga menjadi universiti yang mengurus hal ehwal pelajar yang berminat untuk menuntut ilmu dalam pelbagai bidang. Masjid juga merupakan sebuah institusi yang mula-mula sekali mengambil berat tentang ilmu, manusia dan kemanusiaan.

**4.5 Menghubungkait peranan Masjid Arau dengan perubahan sikap, budaya dan pemikiran masyarakat setempat.** Dalam bahagian ini, penulis membahagikan kepada tiga bahagian analisis. Analisis ini adalah untuk membuktikan peranan Masjid Arau dalam merubah pemikiran masyarakatnya.

**4.5.1 Menghubungkait peranan utama Masjid Arau kepada masyarakat setempat yang membawa perubahan sikap, budaya dan pemikiran.** Perbincangan bahagian ini melibatkan Rajah-Rajah 8, 9, 10, 11, 12, 13 dan Jadual 4. Ini adalah untuk menjelaskan unjuran perubahan yang berlaku berdasarkan program-program yang telah dilaksanakan.

Rajah 8 : Kekerapan responden sembahyang dalam seminggu

Rajah 8 : Kekerapan responden sembahyang dalam seminggu



Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Rajah 8 menunjukkan kekerapan responden sembahyang di Masjid Arau dalam seminggu. Dari data yang diperolehi, kekerapan responden hadir ke masjid untuk sembahyang adalah seperti berikut;

1. Hadir sekali sahaja dalam seminggu ke masjid untuk sembahyang Subuh, 20 %, dua kali 14 %, tiga kali 13 %, empat kali 10 %, lima kali 2 %, 6 kali 1 % dan tujuh kali 19 %. Jumlah keseluruhan 79 %.
2. Untuk sembahyang Zohor, sekali sahaja yang hadir dalam seminggu ke masjid 41 %, dua kali 14 %, tiga kali 9 %, empat kali 3 %, lima kali 4 %, enam kali 1 % dan tujuh kali 14 %. Jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 86 %.
3. Untuk sembahyang Asar, sekali hadir dalam seminggu 19 %, dua kali 12 %, tiga kali 8 %, empat kali 2 %, lima kali 4 %, enam kali 1% dan tujuh kali

12%. Jumlah keseluruhan responden yang hadir untuk sembahyang Asar ialah 58 % dalam masa seminggu.

4. Untuk sembahyang Maghrib, jumlah yang hadir sekali sahaja dalam seminggu 30 %, dua kali 23 %, tiga kali 16 %, empat kali 13 %, lima kali 4 %, enam kali 2 % dan tujuh kali 27 %. Jumlah secara keseluruhan 115 %.


5. Untuk sembahyang Isya' pula, yang sekali hadir dalam seminggu 17 %, dua kali 19 %, tiga kali 11 %, empat kali 15 %, lima kali enam %, enam kali 1 % dan tujuh kali 27 %. Jumlah keseluruhan 96 %.

Dari kenyataan di atas, penulis dapati waktu sembahyang yang paling tinggi mendapat sambutan masyarakat setempat ialah waktu sembahyang Maghrib 115 % dan Isya' 96 %. Dari pemerhatian penulis, pada tahun 2001 yang hadir sembahyang Maghrib dan Isya' dalam purata 130-155 orang jamaah dan tahun 2002 kehadiran jamaah telah meningkat 150-200 orang jamaah. Pada waktu tertentu bilangan jamaah mencecah 300 orang iaitu hari Isnin malam Selasa, iaitu kuliah Maghrib -umum Ustaz Yaakub [ sila rujuk 2.7.3 no. ii].

Penulis berpendapat bahawa kedua-dua waktu itu memberi ruang dan peluang masa yang secukupnya untuk ahli kariah datang ke masjid bagi menunaikan tanggungjawab sembahyang secara berjamaah dan juga mendengar pelbagai kuliah ilmu. Manakala pada waktu Zohor dan Asar agak berkurangan iaitu 60-80 orang sahaja. Penulis beranggapan ahli kariah Arau sibuk dengan kerja harian dan kakitangan kerajaan serta mereka yang kerja sendiri agak kesuntukan masa untuk ke masjid dan kemungkinan mereka sembahyang di masjid-masjid lain di Negeri Perlis. Pada pandangan Islam, hanya orang-orang

yang mukmin sahaja yang mampu meramaikan dan memakmurkan masjid-masjid Allah swt di atas muka bumi ini sama ada untuk sembahyang berjamaah, zikir, mendengar kuliah ilmu, berbincang, beriktikaf dan menunggu masuk waktu sembahyang yang lain. Orang yang bersembahyang di rumah Allah dapat menunaikan sembahyang dengan lebih tenang dan sempurna. Menurut Ibn Kathīr, orang-orang yang memakmurkan masjid adalah orang-orang yang benar-benar beriman kepada Allah swt. Masjid dalam Islam adalah rumah ibadah yang utama diberikan perhatian oleh Rasulullah saw dalam membina saksiahan dan akal budi manusia sebagaimana yang telah dilakukan semasa hijrah baginda saw ke Madinah.

Rajah 9 : Aktiviti-aktiviti lain yang dilakukan oleh responden




Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Dalam rajah 9 melibatkan “soalan tentang aktiviti-aktiviti lain” yang dilakukan di masjid selain daripada sembahyang fardu. 60 % responden menjawab mereka pergi mendengar kuliah atau majlis ilmu, 30 % menunggu waktu sembahyang, 27 % untuk beriktitaf di masjid, 11 % mengatakan berbincang dan berbual-bual dengan kawan-kawan dan 6 % untuk berhat-rehat sebelum masuk waktu sembahyang.

Penulis dapati jawaban di atas menggambarkan bahawa ahli kariah masjid ini telah mengambil peluang terbaik untuk menambahkan ilmu melalui mendengar kuliah-kuliah ilmu yang dilakukan pada waktu Maghrib dan Subuh serta berbincang dengan kawan-kawan. Salah satu cara untuk mematang dan mempertajamkan akal fikiran manusia adalah melalui penyebaran maklumat, ilmu dan perbincangan kerana ia boleh melahir dan mencambahkan pelbagai idea-idea yang bernes dan dalam masa yang sama wujudnya pelbagai pilihan jawaban yang diberi oleh kawan-kawan untuk diterokai atau dimanfatkan oleh masyarakat Islam di Arau. Menunggu waktu sembahyang dan melakukan ibadah iktikaf di masjid merupakan suatu ibadah yang amat mulia di sisi Islam. Semasa beriktitaf dan menunggu waktu sembahyang yang berikutnya, mereka boleh membaca al-Qur'an, berzikir, bermuhasabah diri dan sebagainya.

Rajah 10 : Kekerapan responden hadir ke kuliah maghrib



Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Dalam Rajah 10 menjelaskan kekerapan responden hadir mendengar kuliah Maghrib. Responden yang hadir sekali 19 %, dua kali 26 %, tiga kali 18 %, empat kali, 28 % dan tidak pernah hadir sebanyak 9 %. Penulis mendapati responden paling kerap mendengar kuliah Maghrib sebanyak 46 % .

Penulis berpendapat masyarakat Islam Arau beruntung kerana selepas sembahyang berjamaah Maghrib, para jamaah disulam pula dengan kuliah ilmu oleh penceramah yang bertauliah. Pada pandangan Ibn Khaldūn, tamadun manusia atau sesuatu bangsa itu boleh menjadi maju dan berubah pemikiran mereka dengan syarat sesuatu tamadun dan pemikiran manusia mesti melalui proses mencari ilmu. Islam telah meletakkan pra syarat yang pertama untuk berubah ialah ilmu. Penurunan wahyu yang pertama kepada Rasulullah saw ialah

melibatkan soal ilmu, ilmu yang dibaca dengan nama Allah. Ilmu atau maklumat yang dibacakan dengan nama Allah akan menimbulkan keberkatan dan rasa keimanhan dalam jiwa manusia kepada penciptaNya. Jadi langkah yang dilakukan oleh Masjid Arau dan minat masyarakatnya kepada ilmu adalah bertepatan dengan pandangan Islam.

Rajah 11 : Kekerapan responden hadir ke kuliah Subuh dalam seminggu



Sumber : (Borang Soal-Selidik)


Dalam Rajah 11, menunjukkan kekerapan responden hadir kuliah atau tazkirah Subuh. Kehadiran responden adalah seperti berikut ; Sekali hingga dua kali hadir dalam masa seminggu sebanyak 27 %, tiga hingga empat kali 15 % , lima hingga enam kali 10 %, tujuh kali 15 % manakala tidak pernah hadir sebanyak 33 %. Hadir secara keseluruhan ialah 67 %.

Penulis berpendapat peratus kehadiran kuliah Subuh merupakan suatu angka yang besar (67 %) memandang ianya dilakukan pada waktu Subuh yang

mana pada masa itu ada lagi anak kariah yang masih lagi berselimut , sedangkan hamba-hamba Allah yang mengharapkan rahmatNya sudah menunaikan sembahyang fardu Subuh di masjid dan sudah bersedia dari segi jiwa dan raga untuk mendengar kuliah Subuh.

Menurut pandangan Islam, sesungguhnya orang-orang yang memakmurkan masjid-masjid adalah tetamu Allah swt tanpa mengira waktu dan untuk melihat kualiti iman dan takwa seseorang muslim, lihatlah banyak atau sedikit para jamaah yang hadir sembahyang pada waktu Subuh. Walaupun 33 % responden yang tidak mendengar kuliah Subuh, tidak bermakna mereka tidak sembahyang berjamaah Subuh di masjid itu. Ada antara para jamaah yang sembahyang Subuh tanpa menunggu waktu tazkirah atau kuliah Subuh atas sebab peribadi. Antara sebab yang diberikan oleh responden yang tidak hadir kerana tidak cukup masa untuk bersiap sedia hantar anak-anak ke sekolah dan ke tempat kerja kerana kuliah itu tamat pada jam 7.00 pagi.

Rajah 12 : Peranan masjid Arau



Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Rajah 12 menggabungkan empat peranan Masjid Arau. Peranan pertama, "Masjid merupakan tempat untuk menyebarkan ilmu dan dakwah Islamiah". Majoriti responden bersetuju (96 %), tidak pasti 3 % dan tidak bersetuju 1 %.

Jawaban di atas amat positif dan membanggakan serta disokong oleh YAB Dato' Sri Menteri Besar Perlis, Shahidan bin Kassim (wawancara pada 8hb.Okt. 2002) dan Mufti Negeri Perlis (wawancara pada 5hb.Sept. 2002). Untuk mendapat ilmu dengan cara lebih berkesan lagi, penulis berpendapat bahawa masyarakat Arau perlu menulis dan mencatatnya supaya kefahaman ilmu yang disampaikan oleh penceramah dapat dimanfaatkan

sepenuhnya. Ilmu umpama barang buruan, menulis atau mencatat umpama mengikatnya dari keliarannya dan membaca atau menghafalnya umpama menjinakkan ilmu itu. Penulis berpendapat bahawa fenomena ini ada kaitan dengan tahap pendidikan yang rendah (rujuk Rajah 1) dan pengalaman yang dilalui oleh responden kawasan Arau. Pendidikan dan alam sekitar merupakan elemen yang penting kepada manusia untuk memaju dan membuat anjakan minda dan pemikiran. Masjid menjadi tempat Nabi saw menyampaikan ilmu agama dan menjawab masalah yang timbul dikalangan orang Islam. Di Masjid Nabawi juga diadakan *halakah-halakah* untuk belajar, *muzakarah*, zikir dan tasbih kepada Allah swt.

Peranan kedua ialah masjid merupakan tempat untuk saling kenal-mengenali dan merapatkan hubungan silaturrahim. Majoriti responden bersetuju (98 %), manakala jawaban yang tidak pasti hanya 2 %.

Penulis berpendapat jawaban yang didapati menggambarkan pandangan dan hasrat masyarakat sekitar Arau dan disokong oleh YAB Dato' Sri Shahidan dan Mufti Negeri Perlis. Orang yang sembahyang fardu berjamaah di masjid membolehkan berlaku interaksi dengan masyarakat luar. Jika hubungan bermasyarakat berlaku dengan baik dan harmoni, maka dengan sendirinya hubungan silaturahim boleh dieratkan. Menurut pandangan Drs. Sidi Ghazalba, masjid merupakan lambang kesatuan dan perpaduan umat Islam sedunia. Kesatuan dan perpaduan hanya boleh wujud dengan iman dan takwa serta orang-orang bertakwa sahaja yang mampu memakmurkan masjid-masjid Allāh. Pada zaman awal Islam, masjid merupakan sebuah institusi yang mula-mula sekali

mengambil berat tentang manusia dan kemanusiaan sama ada untuk anak-anak yatim, fakir miskin, orang-orang dalam musafir dan sebagainya.

Peranan ketiga ialah masjid merupakan tempat untuk kepelbagaiannya kegiatan dan program-program kemasyarakatan. Didapati sebanyak 75 % bersetuju dan tidak pasti 18 %, manakala jawaban yang tidak bersetuju hanya 8 % sahaja. Peratusan bersetuju yang tinggi membuktikan lagi bahawa Masjid Arau telah memberikan peranan yang besar kepada masyarakat Arau dalam kegiatan kemasyarakatan seperti bantuan kepada fakir miskin, kepada anak-anak yatim, tempat golongan dewasa membetul bacaan dan tajwid al-Qur'an [ rujuk m.s 72 dan 74] dan tempat persinggahan rehat sementara golongan musafir. Kewujudannya di tempat yang strategik (stesen keretapi dan kegiatan ekonomi kawasan Arau) menjadikan Masjid Arau tempat tumpuan masyarakat tempatan dan luar. Pada pandangan Islam, masjid bukan sahaja menjadi tempat ibadah khusus, ia juga merupakan tempat untuk menyelesaikan urusan agama dan keduniaan umat Islam. Menurut Dr. 'Ali 'Abd Ḥalīm Maḥmūd, masjid adalah tempat Nabi saw menulis surat, memilih pendakwah, penginapan para imam, para sahabat dan rakyat biasa berkumpul beramah mesra, tempat memberi syarahan ilmu dan tempat melantik gabenor dan pemimpin-pemimpin negara Islam. Islam amat menggalakkan umatnya bersatu dan tolong-menolong dalam perkara kebaikan.

Peranan terakhir ialah masjid sebagai tempat perbincangan, berdialog dan urusan yang melibatkan ekonomi, politik dan latihan ketenteraan. Jawaban responden tidak bersetuju sebanyak 58 %, manakala bersetuju 34 % dan tidak

pasti 9 %. Dapatan data dan jawaban yang beri oleh responden ini menunjukkan sebahagian besar masyarakat Islam kawasan Arau tidak bersetuju apabila soalan yang menghubungkaitkan politik, ekonomi dan latihan ketenteraan dengan masjid kerana bidang-bidang politik, ekonomi dan ketenteraan sudah ditetapkan oleh kerajaan sekarang di tempat yang berasingan. Pada pandangan Islam, masjid bukan sahaja merupakan tempat ibadah malah ia juga sebagai tempat yang melibatkan persoalan ekonomi, politik dan latihan ketenteraan. Masjid pada zaman Rasulullah saw adalah sebagai markaz politik Islam, tempat melantik utusan Nabi saw, tempat menyambut para tetamu dan diplomatik asing yang datang dari pelbagai negara. Peranan ini terus dipertahankan dan diamalkan pada zaman khulafa' Ar-Rāsyidīn dengan menjadikan masjid sebagai suatu tempat untuk melantik Abu Bakar dan Umar al-Khattab menjadi khalifah Islam dan membuat pengistiharan taat setia pada masa itu.

Menurut Timbalan Setiausaha masjid itu dan Penghulu Mukim Arau, Hj. Zainuddin Hashim (wawancara pada 18hb Okt. 02), masyarakat Arau tidak mahu soal politik kepartian di bawa masuk ke dalam masjid. Jika ada, masyarakat Arau akan menolaknya. Menurut pandangan Mufti Negeri Perlis, usaha dakwah dan pendidikan kepada masyarakat Arau dikemaskini mengikut keperluan semasa. Kerajaan Negeri Perlis bersama dengan Pejabat Agama Islam Negeri bekerjasama untuk menjadi Masjid Negeri Arau sebagai tempat penegak dan penggerak kebenaran serta kemajuan kepada umat Islam kawasan Arau.

Jadual 4 : Kekerapan responden mengikuti program ilmu di Masjid Arau


KEKERAPAN MENGIKUTI PROGRAM ILMU	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS
a. Kerap	86	41
c. Sederhana	74	35
d. Jarang-jarang	50	24

Sumber: (Borang Soal-selidik)

Jadual 4 membincangkan kekerapan responden mengikuti program-program ilmu di Masjid Arau, penulis dapati bahawa jawaban kerap dan amat kerap mencapai peratusan tertinggi iaitu 41 %, sederhana 35 %, jarang-jarang 24 %. Secara keseluruhan (kerap dan sederhana 76 %) masyarakat Arau begitu aktif dan berminat mengikuti program-program ilmu di masjid. Penulis merasakan bahawa jawaban jarang-jarang 24 %, adalah suatu angka yang agak besar dari sudut peratusan penduduknya.

Usaha dakwah harus diperhebatkan lagi untuk mengurangkan kejihilan dalam masyarakat Islam Arau supaya mereka mampu merubah sikap, budaya hidup dan pemikirannya dalam era ledakan maklumat dan globalisasi ini. Orang yang tidak mahu berubah, dia akan diubah oleh orang lain dan jika ia tidak mampu untuk menyerap perubahan yang berlaku disekitarnya itu, ia akan ketinggalan dari arus perubahan. Menurut al-Ghazālī, ilmu dapat memandu seseorang membeza perkara sunat, harus, makruh, halal dan haram. Menurut Dr. Yusof al-Qaraḍawī usaha kepada makruf tidak harus dipikul oleh satu badan atau perseorangan kerana kekuatan amal jamā'i harus diperkasa dan dilantangkan untuk menguasai nilai-nilai moral dan kehidupan budaya masyarakat.

Rajah 13 : Faktor-faktor responden mengikuti program ilmu



Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Mengenai faktor-faktor yang mendorong responden mengikuti program-program di masjid [lihat rajah 13], dapatan dari responden yang mengikuti program itu untuk mendapat atau menambah ilmu sebanyak 80 %, memenuhi masa terluang 22 %, imam yang berkeliber 7 % dan mengikut kawan 2 % sahaja.<sup>254</sup> Menurut Dato' Setia Jaya Hj. Abu Bakar b Hj. Ahmad golongan ini (ikut kawan) sudah tiada lagi selepas tahun 2000 kerana mereka telah faham dan boleh berfikir sendiri mana yang baik atau sebaliknya untuk diri dan keluarganya setelah mereka mengikuti program-program ilmu di masjid itu.

Data yang terdapat dalam rajah 13 menguatkan lagi hujah penulis bahawa masyarakat Islam Arau mula melakukan perubahan sikap, budaya dan pemikiran mereka untuk menambahkan ilmu pengetahuan supaya mereka dapat memikirkan bagaimana cara untuk membeza kebenaran dengan kebatilan.

<sup>254</sup> Wawancara dengan Dato' Setia Jaya Hj. Abu Bakar b Hj. Ahmad pada 5hb. Sept., 2002.

Menurut al-Ghazālī, teras fikiran ialah ilmu pengetahuan, dengan ilmu pengetahuan seseorang itu boleh sampai ketahap *makrifah*. *Makrifah* hanya dapat dicungkilkan melalui cara berfikir. Apabila hati telah berjaya mencapai sesuatu pengetahuan, niscaya keadaannya akan berubah, hati akan berubah, anggota badan turut berubah.


Dari kenyataan di atas, peratusan keberkesanan peranan Masjid Arau kepada masyarakat tempatan yang dinyatakan oleh responden adalah majoriti bersetuju. Ini menunjukkan bahawa program ilmu dan program-program lain yang bersesuaian dengan kehidupan masyarakat Arau mendapat perhatian utama. Masyarakat Arau telah mula melakukan perubahan pemikiran, sikap dan budaya hidup mereka ke arah yang lebih bermakna dalam kehidupan mereka. Dengan ilmu seseorang itu mampu berfikir secara kritis dan kreatif serta dapat membezakan antara kebenaran dengan kebatilan. Menurut pandangan Mufti Kerajaan Negeri Perlis Dato' Alim Panglima Mat Jaya Hussain (wawancara pada Shb. Sept. 02) bahawa sikap, budaya dan cara berfikir masyarakat Arau telah berubah dan menjadi semakin mantap dari semasa ke semasa hasil dari pelbagai program ilmu dan dakwah yang dijalankan oleh masjid itu.

#### **4.5.2 Analisis perubahan yang berlaku terhadap sikap, budaya dan pemikiran.** Perbincangan bahagian ini dibuat secara lebih terfokus dengan membuat perbandingan mengenai ;

##### **4.5.2.1 Sikap, budaya dan,**

4.5.2.2 Pemikiran masyarakat di situ yang telah membiasakan diri dengan Masjid Arau antara kurang lima tahun, lima hingga sepuluh tahun dan sepuluh tahun ke atas melibatkan Rajah 14 dan Jadual 5.

Rajah 14: Perbandingan sikap dan budaya



Sumber : (Borang Soal-Selidik)

4.5.2.1 Analisisnya melibatkan perubahan sikap dan budaya masyarakat Arau mengikut berapa lama mereka telah membiasakan dirinya dengan masjid [lihat Rajah 14]. Kesan program-program masjid dalam diri responden adalah seperti di bawah ini:

1. Aktiviti Masjid Arau sangat berfaedah kepada masyarakat tempatan, jawaban responden yang bersetuju dengan kenyataan di atas, kurang dari lima tahun 20%, lima hingga sepuluh tahun 27% dan lebih dari sepuluh tahun 45%. Peningkatan perubahan sikap dan budaya antara 7 hingga 16 %.
2. Masjid Arau dapat membantu menyelesaikan banyak masalah masyarakat tempatan. Responden yang kurang dari lima tahun bersetuju 12%, lima hingga sepuluh tahun 21% dan sepuluh tahun ke atas 38%. Peningkatan perubahan sikap dan budaya mereka antara 9 hingga 17 %.
3. Kerjasama pegawai masjid Arau dengan masyarakat setempat boleh memajukan masyarakat tempatan, responden yang kurang dari lima tahun menyatakan bersetuju 18%, lebih dari lima tahun 21% dan sepuluh tahun ke atas 48%. Peningkatan perubahan sikap dan budaya mereka antara 3 hingga 27 %.
4. Masjid Arau telah melaksanakan tugasnya dengan baik, jawaban responden yang kurang lima tahun bersetuju 14%, lima hingga sepuluh tahun 20% dan sepuluh tahun ke atas 37%. Peningkatan perubahan sikap dan budaya mereka antara 6 hingga 17 %.
5. Masyarakat tempatan paling banyak mendapat faedah daripada pelbagai program yang dijalankan di masjid itu. Jawaban bersetuju bagi responden yang kurang dari lima tahun 13 %, lima hingga sepuluh tahun 29% dan sepuluh tahun ke atas 35%. Peningkatan perubahan sikap dan budaya mereka antara 6 hingga 16 %.

Berdasarkan kenyataan di atas, penulis mendapati bahawa mereka yang lebih lama memakmurkan dengan masjid lebih berminat dengan masjid sama ada untuk sembahyang berjamaah atau mengikuti program-program yang dianjurkan

oleh masjid itu jika dibandingkan dengan yang kurang daripada 10 tahun ke atas. Unjuran peningkatan perubahan sikap dan budaya antara 6 hingga 27 %. Ini merupakan petanda bahawa masyarakat Arau telah berubah dan mendapat kemanisan iman. Rasulullah saw bersabda yang bermaksud “sesungguhnya orang-orang yang memakmurkan masjid-masjid adalah tetamu (ahli) Allāh swt, dan orang-orang yang mendapat naungan Allāh di Padang Mahsyar ialah orang yang hatinya terikat dengan masjid .

Jadual 5: Perbandingan Pemikiran Masyarakat Arau

PERKARA	PERATUS SETUJU		
	Kurang dari lima tahun	Lima hingga sepuluh tahun	Lebih dari sepuluh tahun
1. Majlis ilmu dapat mengubah pemikiran masyarakat Arau.	14	36	47
2. Program masjid berjaya memberi kefahaman Islam	18	25	37
3. Memisahkan peranan masjid dengan aktiviti fardu kifayah merupakan fahaman sekular.	7	11	13
4. Fahaman sekular ialah pemisahan aktiviti dunia dengan agama.	5	7	16
5. Larangan membincangkan politik Islam dalam masjid adalah fahaman sekular.	7	9	13
6. Membiarakan masyarakat Islam dalam kejahilan bukan dari ajaran Islam.	16	22	35
7. Membiar masyarakat Islam melakukan kemaksiatan kepada Allah bukan dari ajaran Islam.	18	31	42
8. Membiar masyarakat Islam tinggal dalam kemiskinan bukan dari ajaran Islam.	17	34	46

Sumber : (Borang Soal-Selidik)

**4.5.2.2 Bahagian ini membincangkan tentang perubahan yang berlaku dalam pemikiran masyarakat Arau mengikut berapa lama responden bersama dengan masjid . Jadual 5 di atas menunjukkan carta pergerakkan perubahan tersebut. Keputusan bersetuju bagi soalan soalan yang diajukan adalah seperti berikut ;**

1. Majlis-majlis ilmu yang dijalankan oleh Masjid Arau untuk mengubah pemikiran masyarakat Arau adalah berkesan. Jawaban responden yang kurang lima tahun dengan masjid itu menyatakan bersetuju 14%, lima hingga sepuluh tahun 36% dan sepuluh tahun ke atas 47%. Peningkatan perubahan pemikiran mereka antara 11 hingga 22 %.
2. Program-program yang disediakan oleh pihak masjid berjaya memberi kefahaman Islam kepada masyarakat Arau. Responden yang kurang lima tahun bersetuju sebanyak 18%, lima tahun ke sepuluh tahun 25% dan sepuluh tahun ke atas 37%. Perubahan pemikiran mereka antara 7 hingga 12 %.
3. Memisahkan peranan masjid dengan aktiviti fardu kifayah merupakan fahaman sekular. Jawaban responden yang kurang lima tahun setuju 7%, lima hingga sepuluh tahun 11% dan sepuluh tahun ke atas 13% . Perubahan pemikiran mereka antara 2 hingga 4 %. Keputusan ini menunjukkan berlaku perubahan, tetapi amat kecil.
4. Fahaman sekular ialah fahaman yang memisahkan aktiviti-aktiviti dunia dengan urusan akhirat (agama). Responden yang kurang lima tahun bersetuju 5%, lima hingga sepuluh tahun 7% dan sepuluh tahun ke atas 16%. Perubahan minda mereka antara 2 hingga 9 %. Keputusan ini menunjukkan berlaku perubahan pemikiran dalam unjuran pergerakkan yang sederhana.

5. Larangan membincangkan politik Islam dalam masjid merupakan fahaman sekular, responden yang kurang lima tahun bersama masjid bersetuju 7%, lima hingga sepuluh tahun 9% dan sepuluh tahun ke atas 13%. Perubahan pemikiran mereka antara 2 hingga 4 %. Kurang berlaku anjakan minda apabila isu yang menyentuh soal politik diajukan.
6. Membiarakan masyarakat Islam tinggal dalam kejahilan dan kejahatan bukan dari ajaran Islam. Jawaban responden yang kurang dari lima tahun bersetuju 16%, lima hingga sepuluh tahun 22% dan sepuluh tahun ke atas 35%. Perubahan pemikiran mereka antara 6 hingga 13 %.
7. Membiarakan masyarakat Islam melakukan kemaksiatan kepada Allah swt bukan dari ajaran Islam. Responden yang kurang lima tahun setuju 18%, lima hingga sepuluh tahun 31% dan sepuluh tahun ke atas 42%. Perubahan pemikiran mereka antara 11 hingga 13 %.
8. Membiarakan masyarakat Islam tinggal dalam kemiskinan, kedaifan bukan merupakan ajaran Islam. Responden yang kurang lima tahun dengan masjid Arau bersetuju 17% , lima hingga sepuluh tahun 34% dan sepuluh tahun ke atas 46% . Perubahan pemikiran mereka antara 12 hingga 17 %.

Dapatan di atas menunjukkan telah berlaku perubahan pemikiran masyarakat Arau kepada mereka yang lebih lama memakmurkan atau biasa dirinya dengan masjid. Kenyataan no. 1, 2, 6, 7 dan 8 di atas, menunjukkan berlaku peningkatan perubahan pemikiran. Penulis berpendapat ini adalah kesan daripada program-program ilmu yang dilaksanakan oleh masjid itu. Manakala pergerakan perubahan dalam soalan no. 3, 4 dan 5 di atas kurang menyerlah kerana soalan itu dihubungkaitkan dengan fahaman moden atau ideologi, politik

dan ekonomi. Kenyataan ini telah dijelaskan oleh penulis dalam bab 111, bahagian 3.11 no. 3. Mengikut teori ilmu yang lalu (Bab 111) antara faktor seseorang individu itu boleh berubah pemikirannya ialah melalui pendidikan dan pengalaman yang dilaluinya. Dengan pendidikan dan pengalaman yang telah ditempohi itu mengajar manusia bertanggungjawab kepada Tuhan, diri, masyarakat dan negaranya. Jika faktor ini diambil kira dengan latar belakang masyarakat Arau yang pada keseluruhannya ( 55% ) berpendidikan rendah [silakan rujuk Rajah 1]. Penulis dapati masyarakat Arau telah berjaya berubah walaupun peratusan yang rendah ( 2-17 %). Menurut pandangan Ibn Khaldūn, awal perbuatan adalah akhir pemikiran, awal pemikiran adalah akhir perbuatan, tidak sempurna perbuatan manusia kecuali dengan berfikir mengikut kemampuan masing-masing.

#### **4.5.3 Analisis bahagian ini melibatkan ;**

4.5.3.1 Perbandingan sikap, budaya dan,

4.5.3.2 Pemikiran masyarakat Arau sebelum tahun 2000 (sebelum kajian dibuat) dan dari tahun 2000 hingga tahun 2002 (semasa kajian ini dilakukan).

#### **4.5.3.1 Perubahan sikap dan budaya dapat dilihat pada Jadual 6.**

**Jadual 6 : Analisa perbandingan sikap dan budaya masyarakat Arau**

PERKARA	PERATUS SETUJU	
	SEBELUM TAHUN 2000	SELEPAS TAHUN 2000
1. Masjid merupakan tempat berkenalan dan hubungan persaudaraan Islam.	100	100
2. Pelbagai kegiatan dan program dilakukan di masjid.	62	81
3. Kekerapan responden mengikuti program masjid bertambah.	47	85
4. Kekerapan responden sembahyang di masjid bertambah.	49	87
5. Masjid merupakan tempat menyebar ilmu dan dakwah.	76	95

Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Responden telah menyatakan jawaban setuju seperti berikut :

1. Keseluruhan responden (100 % ) telah bersetuju bahawa masjid merupakan tempat untuk berkenalan dan merapatkan hubungan persaudaraan Islam samada sebelum dan selepas tahun 2000.
2. Pelbagai kegiatan dan program boleh dilakukan di masjid, sebelum tahun 2000, 62% dan selepas tahun 2000 sebanyak 81%. Peningkatan perubahan sikap dan budaya sebanyak 19 %.
3. Kekerapan responden mengikuti program masjid bertambah, sebelum tahun 2000, 47% dan selepas tahun 2000 sebanyak 85%. Peningkatan perubahan 38 % .
4. Kekerapan responden sembahyang di masjid telah bertambah, sebelum tahun 2000, 49% dan selepas tahun 2000 sebanyak 87%. Peningkatan perubahan sikap dan budaya mereka sebanyak 38 %.
5. Masjid merupakan salah satu tempat untuk menyebar ilmu dan dakwah Islamiah, sebelum tahun 2000, 76% dan selepas tahun 2000 sebanyak 95%. Perubahan peningkatan sikap dan budaya mereka sebanyak 19 %.

Kajian ini mendapati pergerakan perubahan sikap dan budaya masyarakat

Arau telah meningkat dengan unjuran sebanyak 19 – 38 % [ sila rujuk no. 2, 3 dan 5]. Manakala dalam aktiviti sosial seperti berkenalan dan persaudaraan Islam peratusannya amat baik iaitu 100 %. Menurut Kant, kesedaran dalam diri dan pengalaman hidup penting kepada manusia untuk berubah. Thomas Kuhn pula berpendapat keadaan sosial dan budaya dapat memberi kesan secara langsung kepada pembangunan sains dan kaedah berfikir serta ia berkaitan dengan fenomena perubahan sosial dalam semua budaya manusia.

**4.5.3.2 Analisis perubahan pemikiran Masyarakat Arau secara perbandingan sebelum dan selepas tahun 2000 [lihat Jadual 7].**

**Jadual 7 : Analisa perbandingan pemikiran masyarakat Arau**

PERKARA	PERATUS SETUJU	
	SEBELUM TAHUN 2000	SELEPAS TAHUN 2000
1. Masjid merupakan tempat untuk perbincangan dalam pelbagai bidang.	57	76
2. Memisahkan masjid dengan aktiviti fardu kifayah merupakan fahaman sekular.	38	71
3. Membiarkan masyarakat Islam tinggal dalam kejahilan merupakan fahaman sekular.	52	67
4. Membiarkan masyarakat Islam melakukan kejahatan dan maksiat bukan dari ajaran Islam.	57	76
5. Membiar masyarakat Islam dalam kemiskinan bukan dari ajaran Islam.	67	82
6. Larangan membincangkan politik Islam dalam masjid merupakan fahaman sekular.	34	47
7. Masjid merupakan tempat ibadah sahaja.	66	26

Sumber : (Borang Soal-Selidik)

Daripada jadual data di atas, keputusan responden bersetuju dengan soalan yang tertera di atas adalah seperti berikut :

1. Masjid juga merupakan tempat untuk perbincangan dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, isu semasa dan sosial. Sebelum tahun 2000, 57% dan selepas tahun 2000, 76%. Peningkatan perubahan pemikiran mereka sebanyak 19 %.
2. Memisahkan masjid dengan aktiviti-aktiviti fardu kifayah merupakan fahaman sekular. Sebelum tahun 2000, 38% dan selepas tahun 2000 71%. Peningkatan perubahan pemikiran mereka sebanyak 33 %.
3. Membiarakan masyarakat Islam tinggal atau berada dalam kejahilan merupakan fahaman sekular, sebelum tahun 2000, 52% dan selepas tahun 2000 67%. Perubahan pemikiran mereka telah meningkat 15 %.
4. Membiarakan masyarakat Islam melakukan kejahatan dan maksiat bukan dari ajaran Islam, sebelum tahun 2000, 57% dan selepas tahun 2000, 76%. Peningkatan pemikiran mereka sebanyak 19 %.
5. Membiarakan masyarakat Islam hidup dalam kemiskinan bukan dari ajaran Islam, sebelum tahun 2000, 67% dan selepas tahun 2000, 82%. Perubahan pemikiran mereka telah meningkat sebanyak 15 %.
6. Larangan membincangkan politik Islam dalam masjid adalah merupakan fahaman sekular, sebelum tahun 2000, 34% dan selepas tahun 2000, 47%. Pemikiran mereka telah berubah sebanyak 13 %.
7. Masjid merupakan tempat untuk melaksanakan ibadah sahaja. Jawaban yang bersetuju, sebelum tahun 2000, 66% dan selepas tahun 2000 telah menurun kepada 26%. Penurunannya sebanyak 40 %. Ini menggambarkan masyarakat Arau semakin faham tentang *taṣawur* Islam.

Dari kenyataan di atas, penulis mendapati peningkatan pemikiran masyarakat Arau secara keseluruhannya diantara 13 –33 %. Penulis berpendapat peningkatan kefahaman Islam adalah berpunca dari program-program ilmu yang dijalankan oleh masjid itu. Perubahan ini bukan berlaku dalam masa terdekat tetapi ia telah berlaku secara perlahan-lahan dan mengambil masa yang panjang. Apabila Masyarakat Arau mula memahami ajaran Islam, maka perubahan mula nampak dari cara hidup dan sikap mereka. Cara hidup dan sikap mereka semakin positif dan pemikiran mereka juga mula berkembang [lihat pergerakkan peratusan no., 1, 2, 3 dan 6 ]. Sebelum tahun 2000, masyarakat Arau sukar untuk menerima pandangan yang berbeza dengan mereka [ rujuk Bab 111, bahagian 3.11, no 3]. Manakala mereka yang menganggap masjid sebagai tempat ibadah sahaja semakin menurun peratusannya dari 66 % kepada 26 %. Ini adalah suatu perkembangan yang baik dan ia merupakan hasil dakwah serta pendidikan yang dilaksanakan oleh masjid itu secara berterusan. Bidang pendidikan adalah amat mustahak kepada mana-mana negara didunia sama ada negara maju atau sebaliknya. Generasi muda yang terdidik akan menjadi manusia yang bertanggungjawab kepada Tuhan, diri, masyarakat dan negaranya. Islam adalah agama yang sentiasa menyeru kepada ilmu, kerana ilmu itu ada kaitan dengan agama dan akidah. Penurunan wahyu yang pertama kepada Nabi saw juga adalah berkenaan dengan ilmu. Dengan ilmu umat manusia dapat mengetahui hakikat manusia.

#### **4.6 Rumusan**

Dapatan maklumat yang diberikan oleh responden telah dianalisis dan diolah datanya oleh penulis yang menjadi bahan fakta atau bukti kepada peranan Masjid Arau kepada masyarakat setempat. Penulis telah mencerakinkan kepada empat bahagian mengikut objektif kajian yang telah ditentukan. Bahagian pertama melibatkan biodata responden (jantina, usia, pencapaian akademik dan pekerjaan). Bahagian kedua melibatkan sambutan masyarakat setempat kepada program-program yang telah disusun oleh pihak pengurusan masjid dan ketiga kesesuaian program-program itu kepada masyarakat setempat. Manakala bahagian keempat pula menjelaskan peranan Masjid Arau dalam mengubah pemikiran masyarakat melalui program-program yang dilaksanakan yang telah dihubungkait dengan perubahan sikap, budaya hidup dan pemikiran mereka. Penulis dapati bahawa masyarakat Arau ada peningkatan perubahan pemikiran mereka, tetapi dalam unjuran peratusan yang sederhana dan ada yang kecil. Sekadar contoh perubahan berlaku dalam peratusan yang kecil apabila faham ideologi dan politik Islam itu dikaitkan dengan masjid.